

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (DARI PERAK)

TARIKH: 1 OGOS 2017

MUKA SURAT: 47

Empat ah long ugut peniaga ditahan

IPOH - Empat lelaki dipercayai bergerak aktif sebagai peminjam wang tanpa lesen (ah long) berjaya diberkas polis sejak Rabu lalu, kerana terlibat melakukan kekerasan terhadap seorang peniaga yang gagal membayar pinjaman di sini.

Tangkapan dilakukan di beberapa lokasi sekitar bandar raya ini berdasarkan risikan selepas menerima laporan polis daripada seorang peniaga berusia 47 tahun pada Isnin minggu lalu.

Pemangku Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Negeri, Deputy Superintendan G Moses Govindarajoo berkata, semua suspek berusia 18 hingga 28 tahun itu ditahan pada Rabu

dan Jumaat lalu dan siasatan lanjut mendapati mereka turut dikehendaki Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah dan Kuala Lumpur berhubung kes sama.

"Kita telah merampas kad nama, kad bank milik suspek, penukul, cek lima keping, telefon bimbit dan buku yang dipenuhi dengan senarai nama peminjam," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, siasatan mendapati sindiket itu mengenakan kadar bunga yang tinggi setiap minggu hingga mencecah berganda-ganda kepada mangsa-mangsa.

"Mereka direman hingga esok (hari ini) untuk melengkapkan siasatan," katanya.